

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

1. Kempen “**CIMB Clicks TapTapMenang Merdeka**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” di sini merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank secara kolektif.

### **Tempoh Kempen**

2. Kempen akan berlangsung dari **jam 00:01 (GMT+8) pada 27 Ogos 2021 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 26 Oktober 2021**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

### **Kelayakan**

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna baru dan sedia ada aplikasi mudah alih CIMB Clicks, kecuali kategori orang/entiti yang disenaraikan dalam **Klausu 5** di sini (“**Peserta**”).
5. Kategori orang/entiti yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:-
  - (a) Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
  - (b) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
  - (c) Pelanggan yang memegang sebarang akaun dengan CIMB yang delinkuen atau tidak dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB atas budi bicara tunggal dan mutlakanya, atau ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau tidak aktif semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (d) Perusahaan sederhana kecil/perbankan perusahaan/pelanggan komersil dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan keuntungan, perbadanan dan perkongsian profesional; dan/atau
  - (e) Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulung atau selainnya mempunyai prosiding undang-undang dalam mana-mana sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
  - (f) Individu yang tidak mempunyai akal sempurna; dan/atau

## “CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

(g) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas. Peserta-peserta yang layak untuk menyertai Kempen ini hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”.

### Hadiah

6. Hadiah-hadiah berikut disediakan kepada pemenang-pemenang terpilih Kempen ini:

Kitaran Kempen & Tempoh Transaksi	Kategori Hadiah	Kategori Cabaran Roda	Hadiah	Bilangan Pemenang
Kitaran Kempen 1 27 Ogos 2021 – 26 September 2021	Hadiah Utama	Tidak terpakai	RM3,000 Tunai	15
	Hadiah Cabaran Roda	Cabaran Pemindahan Dana	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran JomPAY	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran FPX	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000

**“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN”  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

<b>Kitaran Kempen 2</b> 27 September 2021 – 26 Oktober 2021	Hadiah Utama	Tidak terpakai	RM3,000 Tunai	15
	Hadiah Cabaran Roda	Cabaran Pemindahan Dana	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran JomPAY	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran FPX	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	RM100 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	30
			RM10 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	300
			RM3 PIN Tambah Nilai Touch N' Go	3,000

(Semua hadiah yang dinyatakan di atas hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**Hadiah**" dan Kitaran Kempen 1 dan Kitaran Kempen 2 yang dinyatakan di atas hendaklah masing-masingnya dirujuk sebagai "**Kitaran Kempen**")

**Kriteria Penyertaan**

**7. Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Utama**

Peserta Layak boleh memperolehi penyertaan ("**Penyertaan**") untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama yang dirujuk dalam Klausa 6 di atas dengan melakukan transaksi-transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya:-

Kriteria Penyertaan	Penyertaan
---------------------	------------

**“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN”  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

(a) Pendaftaran baru ID CIMB Clicks dan berjaya log masuk ke aplikasi mudah alih CIMB Clicks untuk pertama kali	10
(b) Setiap Transaksi Layak (seperti yang ditakrifkan dalam <b>Klausu 9</b> di sini) minimum RM10 dilakukan melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks	1

**8. Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Cabaran Roda**

Peserta Layak boleh memperolehi penyertaan untuk bermain Cabaran Roda (“**Penyertaan Cabaran Roda**”) dan berpeluang untuk memenangi Hadiah Cabaran Roda yang dirujuk dalam Klausu 6 di atas dengan melakukan transaksi-transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya:-

Kategori Cabaran Roda	Kriteria Penyertaan	Penyertaan Cabaran Roda
Cabaran Pemindahan Dana	Melakukan tiga (3) Transaksi Pemindahan Dana Layak seperti yang ditakrifkan dalam <b>Klausu 9</b> di sini dengan minimum RM10 untuk setiap transaksi melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran JomPAY	Melakukan tiga (3) Transaksi JomPAY Layak seperti yang ditakrifkan dalam <b>Klausu 9</b> di sini dengan minimum RM10 untuk setiap transaksi melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran FPX	Melakukan tiga (3) Transaksi FPX Layak seperti yang ditakrifkan dalam <b>Klausu 9</b> di sini dengan minimum RM10 untuk setiap transaksi melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Melakukan tiga (3) Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak seperti yang ditakrifkan dalam <b>Klausu 9</b> di sini dengan minimum RM10 untuk setiap transaksi melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1

9. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ungkapan “**Transaksi Layak**” adalah ditakrifkan seperti berikut:-

Jenis Transaksi Layak	Penerangan
“ <b>Transaksi Pemindahan Dana Layak</b> ”	Pemindahan dana keluar yang berjaya dari mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak seperti yang ditakrifkan dalam Klausu 10 di sini kepada pihak ketiga melalui bahagian ‘ <i>DuitNow to Account (Instant Transfer)</i> ’ atau ‘ <i>Normal Transfer</i> ’ atau ‘ <i>DuitNow to Mobile/ID</i> ’ di (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.

**“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN”  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

<b>“Transaksi JomPAY Layak”</b>	Pembayaran mana-mana bil atau invoice JomPAY Biller dengan berjaya melalui bahagian ‘JomPAY’ di (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak yang ditakrifkan dalam Klausula 10 di sini.
<b>“Transaksi FPX Layak”</b>	Pembayaran berjaya kepada mana-mana peniaga FPX melalui FPX melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak yang ditakrifkan dalam Klausula 10 di sini.
<b>“Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak”</b>	Transaksi tambah nilai prabayar berjaya yang dilakukan melalui bahagian ‘Top Up’ di (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b>dan/atau</b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak yang ditakrifkan dalam Klausula 10 di sini.

10. Transaksi Layak hendaklah dilakukan dengan menggunakan dana dari mana-mana akaun simpanan/-i CIMB, akaun semasa/-i CIMB, akaun kad kredit/-i CIMB dan/atau akaun kad prabayar CIMB Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB untuk tujuan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”).
11. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
12. Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa suatu Kitaran Kempen hanya akan diambil kira untuk Kitaran Kempen tersebut dan tidak boleh dibawa ke Kitaran Kempen yang berikutnya.
13. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan sama ada apa-apa transaksi tertentu adalah layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun.

**Pemilihan Pemenang**

14. Pemilihan Pemenang:

**a) Pemenang Hadiah Utama:**

- (i) Pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, sistem automatik CIMB akan secara rawak menyenarai pendek suatu senarai pemenang berpotensi daripada sekumpulan Peserta Layak berdasarkan jumlah Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa setiap Kitaran Kempen (secara kolektif dikenali sebagai “**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**”).

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang nombor telefon bimbitnya berdaftar dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, DiGi, Tune Talk atau U Mobile dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas (“SMS”). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS.
- (iii) LIMA BELAS (15) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama yang membalas SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama (secara kolektif dikenali sebagai “**Pemenang Hadiah Utama**”).
- (iv) Proses di atas akan terpakai untuk setiap Kitaran Kempen.
- (v) Bagi mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi akan ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk caj perayauan yang ditanggung oleh Peserta Layak di luar Malaysia) akibat CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk caj tersebut.
- (vi) Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor telefon bimbit mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi apa-apa kehilangan (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit akibat daripadanya) yang dialami sekiranya nombor telefon bimbit Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau tidak dikemaskini.
- (vii) Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

### **b) Pemenang Hadiah Cabaran Roda:**

- (i) Peserta Layak yang telah memperoleh Penyertaan Cabaran Roda di bawah suatu kategori Cabaran Roda (secara kolektif dikenali sebagai “**Pemenang Hadiah Cabaran Roda Berpotensi**”) akan menerima pemberitahuan tolak dari CIMB melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks untuk memainkan Cabaran Roda dengan mengklik pada butang “Play Now” untuk memutar roda melalui bahagian “Cabaran” di aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan berpeluang untuk memenangi Hadiah Cabaran Roda di bawah kategori Cabaran Roda tersebut. Sekiranya Pemenang Hadiah Cabaran Roda Berpotensi gagal untuk memainkan Cabaran Roda sebelum berakhirnya Kitaran Kempen yang berkenaan, Penyertaan Cabaran Roda yang diperolehi akan luput.

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) Hadiah Cabaran Roda di bawah suatu kategori Cabaran Roda akan diberikan kepada Pemenang Hadiah Cabaran Roda Berpotensi yang memutar roda di bawah kategori Cabaran Roda tersebut dan dipilih secara rawak oleh sistem automatik CIMB untuk menjadi pemenang (secara kolektif “**Pemenang Hadiah Cabaran Roda**”), tertakluk kepada ketersediaan Hadiah Cabaran Roda di bawah kategori Cabaran Roda tersebut bagi Kitaran Kempen yang berkenaan.
  - (iii) Setiap Peserta Layak berhak kepada maksimum satu (1) putaran sahaja untuk setiap kategori Cabaran Roda dalam setiap Kitaran Kempen tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
  - (iv) Bagi Peserta Layak yang baru kepada aplikasi mudah alih CIMB Clicks, ia akan mengambil masa tujuh (7) hari bekerja untuk Transaksi Layak dicerminkan pada perkembangan “*Challenge*” dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks. Peserta Layak boleh kemudiannya memainkan Cabaran Roda mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausula 14 (b)(i).
15. Peserta Layak layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama dan lapan (8) Hadiah Cabaran Roda sahaja sepanjang Kempen ini.
16. CIMB akan memaklumkan Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik pada laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui e-mel atau SMS ke nombor telefon bimbit Pemenang atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain, yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlak.

### **Pemenuhan Hadiah**

17. Pemenuhan Hadiah:

a) **Hadiah Utama:**

- (i) Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Hadiah Utama yang dipilih oleh CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas akhir Tempoh Kempen.
- (ii) Hadiah Utama tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar untuk hadiah atau ganjaran lain yang mempunyai nilai sama atau apa-apa alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Hadiah Utama untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB Pemenang Hadiah Utama yang lain.

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (iii) Mana-mana Pemenang Hadiah Utama yang Akaun Penyertaannya dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau tidak aktif sebelum Hadiah Utama diberikan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima sebarang Hadiah Utama di bawah Kempen ini.
- (iv) Atas permintaan CIMB, Pemenang Hadiah Utama hendaklah menghadiri upacara penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain seperti yang dan apabila diperlukan pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri. Jika mana-mana Pemenang Hadiah Utama gagal menghadiri upacara dan/atau program publisiti lain tersebut, CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah Utama Pemenang Hadiah Utama dan memilih Pemenang alternatif.

### **b) Hadiah Cabaran Roda:**

- (i) Pemenang Hadiah Cabaran Roda akan menerima Hadiah Cabaran Roda dalam masa nyata (*'real time'*) sejeurus selepas Cabaran Roda dalam bentuk kod PIN Tambah Nilai elektronik.
- (ii) Pemenang Cabaran Roda juga boleh memuat turn semula kod PIN Tambah Nilai dari bahagian "*Challenge*" dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks.
- (iii) Hadiah Cabaran Roda mesti ditebus oleh Pemenang Cabaran Roda dalam tempoh sah yang ditetapkan, jika gagal, Hadiah Cabaran Roda mungkin dilucutkan oleh penyedia yang berkenaan secara automatik tanpa notis dan Pemenang Cabaran Roda tidak akan layak untuk menebus PIN Tambah Nilai dan CIMB tidak wajib untuk menggantikan PIN Tambah Nilai tersebut kepada Pemenang Cabaran Roda dalam apa jua keadaan.
- (iv) Hadiah Cabaran Roda adalah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penyedia tersebut dan CIMB tidak bertanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul berhubung dengan Hadiah Cabaran Roda, walaupun CIMB telah dinasihatkan mengenai kemungkinan ganti rugi sedemikian, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata.
- (v) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau endorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, terhadap Hadiah Cabaran Roda. CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian akibat penggunaan Hadiah Cabaran Roda.

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (vi) CIMB tidak akan melayan apa-apa aduan yang berkaitan dengan Hadiah Cabaran Roda. Kemasukan Hadiah Cabaran Roda dalam Kempen ini tidak akan dianggap sebagai endorsmen atau cadangan Hadiah Cabaran Roda oleh CIMB. Liabiliti CIMB berhubung dengan Hadiah Cabaran Roda adalah hanya untuk membayar harganya kepada penyedia berkenaan.
18. CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah sekiranya berlaku pembalikan pembayaran Transaksi Layak.
19. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal pemenang.
20. Dengan persetujuan atau penerimaan Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing daripada apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerugian, kehilangan, perbelanjaan atau liabiliti berkenaan dengan:-
- (i) penyertaan Peserta Layak tersebut dalam Kempen ini; atau
  - (ii) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah.
- Semua risiko, kerugian atau kehilangan berkenaan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

21. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai olehnya. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pemenang alternatif dipilih.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di **[www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)** dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

23. Akaun-akaun Peserta Layak dengan CIMB (i) MESTI tidak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun-akaun dengan CIMB; dan (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan atau pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
24. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
25. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
26. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan “*act of God*” di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
27. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

## **“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

28. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau laman web CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
29. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
30. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut **Klausula 28** di atas) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal akaun-akaun Peserta Layak dengan CIMB yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
31. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan akaun-akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan akaun-akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank.
32. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.

**“CIMB CLICKS TAPTAPMENANG MERDEKA CAMPAIGN”  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

33. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
34. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat mel, alamat e-mel dan nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat mel, alamat emel dan nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).